

Tak kenal maka

B.H. 12SEP 1992

SEBUAH majalah berita mingguan Indonesia edisi terbaru menyiarkan laporan utama sepuluh muka penuh mengenai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diedarkan sehari selepas Perdana Menteri Malaysia itu pulang ke tanahair setelah seminggu berada di republik itu kerana menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Berkecuali (NAM) yang bermula pada 1 September lalu.

Di muka depan majalah itu, tertera lukisan gambar Dr Mahathir yang berbaju Melayu, berlatar-belakangkan bendera Malaysia dengan tajuk 'Ada Apa Datuk?', hampir sama dengan konsep muka depan majalah Far Eastern Economic Review (FEER) yang membuat laporan utama mengenai Dr Mahathir dalam edisi 20 Ogos lalu.

Tindakan majalah Tempo ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan, walaupun pada awal kehadiran Dr Mahathir di Jakarta, sambutan di kalangan media massa di republik itu terlalu dingin hingga surat khabar Kompas dalam ruangan serba-serbi Sidang Kemuncak NAM menulis mengenai adanya tindakan 'Boikot Mahathir oleh media massa Indonesia.

Benar atau tidak media massa Indonesia memboikot Dr Mahathir belum dapat dipastikan, tetapi yang nyata selepas empat hari berada di Indonesia, nama dan gambar pemimpin negara itu mula muncul di pelbagai surat khabar, malah beliau menjadi seorang daripada pemimpin yang popular sepanjang persidangan berkenaan, di samping Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat.

Dalam laporan tiga bahagian, Tempo cuba menjawab beberapa persoalan mengenai sikap Malaysia, termasuk benarkah Dr Mahathir siap berkonfrantasi dengan

tak cinta

BINGKISAN JAKARTA



Oth MUSTAPA OMAR



Ramai wartawan senior Indonesia menyatakan kekaguman mereka terhadap Dr Mahathir kerana dengan lantang berani memperjuangkan masalah yang dialami oleh negara membangun

negara Barat, khususnya Amerika Syarikat, selain cuba melihat lebih dekat siapakah sebenarnya Dr Mahathir dan kenapa ia memberi tumpuan yang lebih kepada orang Melayu di negara yang terdiri daripada pelbagai kaum itu?

Laporan berkenaan juga turut memuatkan wawancara khusus dengan Dr Mahathir yang antara lain Perdana Menteri menjawab soalan mengenai isu Yugoslavia dan Bosnia-Herzegovina yang disuarakan dalam Sidang Kemuncak NAM baru-baru ini, kritikan kerasnya terhadap Barat, kebebasan akhbar di Malaysia, masalah alam sekitar, hak asasi manusia dan cadangan Pas melaksanakan hukum Islam di Kelantan.

Keseluruhannya, tulisan majalah itu agak objektif dan menyeluruh, tidak seperti tulisan mengenai Malaysia dan Dr Mahathir yang ditulis oleh beberapa wartawan akhbar Indonesia lain yang seringkali lebih bersifat negatif dan cuba mencari kesalahan dan kelemahan saja.

Ada di antara surat khabar di negara itu memang sejak awal lagi me-

nunjukkan sikap negatif dalam laporannya mengenai Malaysia dan Dr Mahathir.

Umpamanya, akhbar harian Media Indonesia menganggap keputusan Mesyuarat Peringkat Menteri Luar NAM yang bersetuju masalah Yugoslavia akan dibahaskan dalam sidang peringkat tinggi di New York adalah kegagalan kepada Malaysia dan sebaliknya kejayaan bagi Indonesia.

Sebenarnya, keputusan NAM mengenai Yugoslavia itu tidak memenangkan sesiapa, malah Malaysia sendiri tidak pernah berniat untuk menyingkirkan Yugoslavia daripada NAM, sebaliknya hanya mempersoalkan kesahihan Serbia dan Montenegro sebagai pewaris negara itu.

Apa yang jelas, wartawan berkenaan kurang memahami pendirian Malaysia dalam persidangan NAM kali ini.

Surat khabar berkenaan juga masih terus mengungkit-ungkit peristiwa yang berlaku di Stadium Negara ketika perlawanan akhir Kejohanan Badminton Piala Thomas yang mana mereka mendakwa pemain dan penontonnya diperlakukan se-

cara kasar oleh penyokong Malaysia hingga menyebabkan Indonesia gagal memenangi kejohanan itu.

Selain itu, ada satu hal lagi yang agak mengecewakan iaitu kesilapan beberapa fakta mengenai Malaysia yang disiarkan oleh akhbar Media Indonesia, termasuk jumlah penduduk yang disebut 13.9 juta dan hanya mempunyai tiga universiti saja.

Sebagai negara jiran yang menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 400,000 rakyat Indonesia, sewajarnya akhbar berkenaan lebih arif dan mendapatkan fakta terbaru sebelum menulisnya.

Selain akhbar itu, Radio Republik Indonesia (RRI) juga dalam komentarnya yang disiarkan secara langsung ketika menyambut kedatangan Dr Mahathir menyebut beberapa fakta yang salah mengenai Malaysia.

Mungkin pihak Kedutaan Malaysia di Jakarta perlu berbuat sesuatu bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang.

Dalam pada itu, tidak kurang juga surat khabar yang memberikan laporan positif terhadap Malaysia dan Dr Mahathir

sepanjang sidang kemuncak berkenaan, berdasarkan kematangan mereka memahami isu dan masalah yang ditimbulkan oleh perwakilan Malaysia.

Malah, ramai di kalangan wartawan senior yang menyatakan kekaguman mereka terhadap Dr Mahathir kerana dengan lantang berani memperjuangkan masalah-masalah yang dialami oleh negara membangun serta mengemukakan tindakan Barat dalam persoalan tertentu, walaupun pada hakikatnya Malaysia tidak pernah anti-Barat.

Sememangnya benar kata pepatah Melayu: 'tak kenal maka tak cinta' dan begitu juga di kalangan wartawan Indonesia, selepas Dr Mahathir berucap di hari pertama sidang kemuncak itu dan menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan oleh wartawan dalam sidang akhbar pada hari berikutnya, mereka semakin ghairah untuk bertemu muka dengan Dr Mahathir.

Di kalangan masyarakat Indonesia pula, Dr Mahathir semakin ramai peminatnya hinggalah ketika beliau singgah menjamu selera di sebuah restoran Padang di tengah kota Jakarta, kira-kira 200 orang berkumpul di hadapan restoran berkenaan untuk menatap muka dan bersalaman dengan Perdana Menteri.

Bekas Menteri Luar Indonesia, Roeslan Abdulgani, memuji ucapan Dr Mahathir di sidang kemuncak itu dan menganggapnya sebagai ucapan yang penuh dengan kritikan tajam terhadap Barat, tetapi berjaya disampaikan dalam bahasa yang lembut.

"Beliau adalah pemimpin yang kita cari-cari dalam NAM untuk memulih dan mengembalikan semula imej pergerakan itu di mata dunia antarabangsa.

Pendirian yang tegas akan menjadikan NAM lebih dihormati," katanya.